



BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4-7, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang
Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62692 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8885 1000
Faks : 03-8885 1048/03-8885 1051/
03-8885 1127
Laman Web: www.bheuu.gov.my

Ruj. Kami : (76) BHEUU/06/(S)569

Tarikh : 14 September 2021

Assoc. Prof. Dr. Maizatun Mustafa
Legal Practice Department
Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law
International Islamic University Malaysia

YBhg. Prof,

JEMPUTAN SEBAGAI PANEL PENCERAMAH BAGI NATIONAL CONFERENCE ON BUSINESS AND HUMAN RIGHTS 2021: TOWARDS A NATIONAL ACTION PLAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Prof, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU,JPM) sedang membangunkan satu Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (NAPBHR) selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 6 Disember 2019.

3. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini telah membentuk struktur Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal bagi memastikan pembangunan NAPBHR ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Bagi memastikan sesi libat urus yang holistik dalam usaha pembangunan NAPBHR, BHEUU,JPM dengan kerjasama *United Nation Development Programme* (UNDP) serta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) akan menganjurkan satu *National Conference* yang melibatkan pelbagai pihak-pihak berkepentingan daripada berbagai-bagai

organisasi. Maklumat lanjut mengenai sesi *National Conference* tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh : **21 September 2021 dan 22 September 2021**
Medium : **Secara dalam talian**
Atur cara : **seperti di Lampiran**

4. Tujuan penganjuran sesi *National Conference* ini adalah seperti berikut:

- a) mempromosikan pelaksanaan *United Nations Guiding Principles (UNGP)* dengan menyatukan pemimpin, kementerian dan agensi kerajaan, pengawal selia, badan penguatkuasaan, entiti perniagaan, persatuan, organisasi pelabur, masyarakat sivil dan pihak berkepentingan lain yang berkaitan untuk dialog yang bermakna;
- b) menyediakan platform untuk berkongsi mengenai status perkembangan NAPBHR, mengenalpasti jurang dan cabaran yang masih ada dan meneroka potensi kemasukan seluruh masyarakat untuk agenda BHR;
- c) memberikan peluang dan platform kepada pihak berkepentingan untuk mengambil bahagian dalam perbincangan yang menyeluruh mengenai tema dicadangkan di bawah NAP seperti Tema Buruh, Tema Alam Sekitar dan Tema Tadbir Urus serta perkara-perkara yang saling berkait kesan daripada pandemik COVID-19.

5. Sehubungan dengan itu, BHEUU, JPM berbesar hati ingin menjemput YBhg. Prof sebagai seorang panel penceramah bagi sesi perbincangan bertemakan ***National Action Plan on Business and Human Rights: Environment (The Right to a Clean Environment and Water)*** pada 22 September 2021 (Rabu).

6. Bahagian ini memohon kerjasama pihak YBhg. Prof untuk memberikan maklum balas mengenai jemputan ini selewat-lewatnya pada atau sebelum **15 September 2021 (Rabu)** bagi memudahkan urusan persediaan sesi *National Conference* ini.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dirujuk kepada pegawai-pegawai berikut:

- (i) Nama : En Yusof bin Ali
No. Tel : 03-8885 1920
E-mel : yusof.ali@bheuu.gov.my


- (ii) Nama : Puan Sanjeetha Nair
No. Tel : 03-8885 1390
E-mel : sanjeetha.nair@bheuu.gov.my

7. Kerjasama YBhg. Prof dalam menjayakan sesi *National Conference* ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Salam Hormat.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. PUNITHA SILIVARAJOO)

b.p. Ketua Pengarah

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jabatan Perdana Menteri